



## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022 MENGANGKAT TEMA ‘MIND THE GAP. LEAVE NO ONE AND PLACE BEHIND’

---

**PUTRAJAYA, 7 NOVEMBER 2022** – YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 (SHHS 2022) bertempat di Dewan Kristal, KPKT petang ini.

Sambutan ini merupakan acara kemuncak tahunan sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia yang diraikan pada 3 Oktober 2022 di seluruh dunia. KPKT sebagai *National Focal Point* bertanggungjawab menyelaras aktiviti UN-Habitat di Malaysia sejak tahun 1985. Penganjuran SHHS 2022 ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai petempatan manusia dan hak setiap individu untuk memiliki tempat tinggal yang selamat, kondusif dan berdaya huni.

Bertemakan ‘*Mind the Gap. Leave No One and Place Behind*’ atau ‘Rapatkan Jurang. Tiada Sesiapa mahupun Tempat yang Ketinggalan’, tema sambutan pada tahun ini menggesa agar penggerak pembangunan bandar terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi merapatkan jurang antara golongan berpendapatan tinggi dan mereka yang kurang berasib baik kesan daripada krisis 3C yang melanda dunia iaitu COVID-19, *Climate and Conflict*.

Pembangunan perbandaran perlu menawarkan peluang sama rata kepada semua penduduk bagi mendapat akses kepada perkhidmatan asas, tenaga, pengangkutan, perumahan dan kawasan lapang awam. Namun, ia juga hendaklah mengurangkan penggunaan sumber serta kesan terhadap alam sekitar.

Berdasarkan Laporan Bandar Dunia oleh UN-Habitat, pada tahun 2020 dianggarkan antara 119 juta hingga 124 juta masyarakat dunia terjejas akibat krisis 3C ini. Manakala pada tahun 2021, berlaku peningkatan di antara 143 juta hingga 163 juta golongan

terkesan. Statistik ini dijangka akan terus meningkat dan memberi impak negatif dari sudut sosio-ekonomi, kesihatan mental dan fizikal sekiranya tiada intervensi dilaksanakan bagi menangani situasi ini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk menjadikan bandar dan kawasan tempat tinggal di Malaysia bersifat inklusif, berdaya tahan, selamat dan lestari.

Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh KPKT sebagai pengisian sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2022 iaitu Dialog Hari Habitat di *Malaysia Urban Forum 2022 (MUF 2022)*, Jalinan Mesra PR1MA bersama Warga Emas dan OKU di Persatuan Orang Buta Malaysia, Brickfields, Anugerah *National Scroll of Honour For Human Settlements 2022*, Pertandingan Photojournalism, Pertandingan Video Pendek peringkat Institusi Pengajian Tinggi, Pertandingan Debat ala parlimen Peringkat Sekolah Menengah, Pertandingan Bercerita Peringkat Sekolah Rendah Tahap 2 (Secara Rakaman Video), Aktiviti Beriadah Sambil Plogging di Taman Putra Perdana, Program Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan PBT Kepada Komuniti dan Program Jalinan Kasih SPNB bersama Anak Yatim.

KPKT terus komited meningkatkan kesedaran secara berterusan tentang kepentingan dalam menangani perubahan iklim, terutamanya melalui pelaksanaan inisiatif rendah karbon atau pengurangan pelepasan GHG bagi memastikan bumi serta keindahan alam semula jadi kita akan kekal dinikmati oleh generasi seterusnya. Hasrat ini selaras dengan fokus KPKT iaitu mengangkat agenda “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni dalam menjayakan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan – Timbalan Ketua Setiausaha KPKT, TPr. Ts. Norliza binti Hashim, Ketua Eksekutif URBANICE Malaysia, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KPKT serta wakil-wakil PBT.

#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bombadan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

